

♥18/04/20-20MST

U PB 18-04 00221 BH869

Bah

Ulangan dengan menambahkan perkataan Asean pada paratiga
Mahathir-PBS

UMNO BAWA KES ENAM BEKAS ADUN USNO KE MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama)-- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno akan mengambil tindakan mahkamah jika kerajaan negeri Sabah pimpinan Parti Bersatu Sabah (PBS) melucutkan keanggotaan keenam-enam bekas anggota Usno daripada Dewan Undangan Negeri Sabah berikutan kemasukan mereka ke dalam Umno baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata kalau mereka hilang kerusi, Umno akan merayu kepada mahkamah seperti yang dilakukan dengan kes anggota dewan undangan negeri Limbungan dan Sungai Pinang di Kelantan dan kes undang-undang anti lompat-parti politik di Sabah.

"Sebenarnya dia tak berhak untuk menyingkir sesiapa. Ini bertentangan dengan prinsip demokrasi," kata Presiden Umno ketika menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Larian Demi Kemanusiaan Asean selaku presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia di Dataran Merdeka di sini.

"Ini semua adalah cara menggunakan kuasa politik untuk menidakkan hak orang lain. Kita tak boleh sendiri buat tuduhan, kita jadi hakim, kita hukum dan kita ambil tindakan," katanya.

Keenam-enam anggota dewan undangan negeri itu, Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Rafae (Lumadan), Aklee Abas (Sukau), Nasir Tan Sri Sakaran (Sulabayan), Karim Bujang (Bongawan), Haji Ji Mohamed Nor (Sulaman) dan Datu Ismail Datu Jook (Balong) menyertai Umno awal bulan ini. -- Lagi

♥18/04/20-31MST

CNS5371

U PB 18-04 00198 BH870

Bah

Mahathir-PBS 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata jika kerajaan PBS memintn mereka (enam anggota dewan undangan negeri itu) mengesahkan kemasukan mereka ke dalam Umno mereka patut mengesahkannya kerana mereka tak harus takut kerana berjuang untuk prinsip.

"Umno bersedia untuk menghadapi pi. lihan raya di Sabah, bagaimanapun kita akan merayu kepada mahkamah jika keanggotaan mereka dilucutkan," katanya.

Sambil memberikan contoh penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan PBS, Dr Mahathir berkata; "ini menunjuk bahawa belumpun dapat kedudukan yang lebih tinggi, (Ketua Menteri) Datuk Joseph Pairin Kitingan sudah menunjuk bahawa dia sanggup menaikkan gaji sebagai satu cara sogokan untuk rasuah bagi memujuk orang Usno mengadakan kerajaan campuran dengan menggunakan wang kerajaan."

Pada majlis perasmian itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Dr Mazlan Ahmad bersama-sama pelari lain menyampaikan obor Asean kepada Dr Mahathir yang memberikannya kepada Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib untuk meneruskan larian simbolik sejauh dua kilometer.

Sebelum perasmian Larian Demi Kemanusiaan Asean itu, Perdana Menteri menerima sumbangan berjumlah RM735,000 daripada 12 syarikat swasta bagi pihak PBSM. Larian itu bermula pada 1 April di Manila, Filipina dan berakhir pada 8 Mei di Bangkok. -- Bernama

MGM AKD

♥18/04/20-42MST